

Bajet mini RM107.7 bilion dilulus

Berita Harian (21/12/2022) Page 2



Anwar pada sesi pembentangan bajet mini pada hari kedua sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

Keputusan bolehkan kerajaan terus berfungsi, sedia khidmat asas untuk rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim,
Mohd Nasaruddin Parzi dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Anwar juga menjelaskan, RUU itu adalah selaras Perkara 102(a) Perlembagaan Persekutuan dan kali terakhir ia dibentang adalah pada 20 Disember 1999.

"Bajet 2023 yang dibentangkan kerajaan terdahulu pada 7 Oktober lalu tidak sempat dibahas dan diluluskan.

"Tanpa kelulusan bajet sementara, mulai 1 Januari nanti, kerajaan tidak dapat berfungsi dan tidak dapat menyediakan perkhidmatan asas seperti bekalan ubat-ubatan di hospital serta pemberian makanan kepada pe-
kerja masyarakat di sekolah

(RM83.36 juta), Kementerian Komunikasi dan Digital (RM495.72 juta dan Jabatan Perkhidmatan Awam (RM235.75 juta).

Dalam pada itu, Anwar menerusi Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 mencadangkan dana bernilai RM55,959,213,200 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi 2023 untuk perbelanjaan segera dan ia turut diluluskan.

Selain itu, persidangan Dewan Rakyat juga meluluskan usul memindahkan RM35.045 bilion, iaitu baki wang pinjaman Terbitan

Ke mana peruntukan bajet mini RM107,718,676,650 dibelanjakan

Parlimen Malaysia	RM83,365,600
Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	RM1,802,350
Jabatan Audit Negara	RM80,418,750
Suruhanjaya Pilihan Raya	RM32,771,650
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	RM21,190,100
Jabatan Perdana Menteri	RM2,169,205,150
Jabatan Perkhidmatan Awam	RM235,750,800
Jabatan Peguam Negara	RM99,171,550
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	RM156,207,800
Perbendaharaan	RM2,100,000,000
Perkhidmatan Am Perbendaharaan	RM28,118,860,750
Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	RM1,096,537,250
Kementerian Luar Negeri	RM404,806,900
Kementerian Perpaduan Negara	RM270,797,650
Kementerian Ekonomi	RM265,488,150
Kementerian Perladangan dan Komoditi	RM120,500,000
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	RM2,382,552,500
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	RM1,808,183,850
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	RM837,347,200
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	RM312,548,250
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	RM845,905,700
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	RM106,070,700
Kementerian Kerja Raya	RM432,635,950
Kementerian Pengangkutan	RM772,313,650
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	RM336,750,600
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	RM418,587,800

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan Bajet Mini 2023 dan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 yang membenarkan perbelanjaan RM107,718,676,650 dikeluarkan untuk perkhidmatan kerajaan bagi sebahagian tahun depan.

Keputusan itu dimaklumkan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul selepas tiada perbahasan bagi kedua-dua usul yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan bajet mini itu berkata, tanpa kelulusan bajet sementara itu, kerajaan tidak dapat berfungsi.

Beliau berkata, pembentangan RUU itu bertujuan mendapatkan kebenaran sementara Parlimen supaya kerajaan boleh berbelanja sebahagian anggaran perbelanjaan bagi tempoh beberapa bulan sehingga RUU Perbekalan 2023 dibentang semula dan diluluskan kelak.

"Anggaran perbelanjaan di bawah rang undang-undang ini antaranya merangkumi bayaran gaji kepada penjawat awam, utiliti, biasiswa, bantuan kebajikan serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

"Begitu juga dengan projek pembangunan yang sedang berjalan perlu diteruskan dan kontrak dibayar mengikut jadual," katanya.

lajar memerlukan di sekolah.

"Ini juga termasuk bantuan kebajikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan penerima kebajikan lain dan pelbagai lagi perkhidmatan dan bantuan lain untuk kesejahteraan rakyat dan perniagaan," katanya.

Pada 7 Oktober lalu, Bajet 2023 berjumlah RM372.3 bilion dibentang Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebelum Parlimen dibubarkan.

Jumlah terbesar diperuntuk

Sementara itu, menurut naskhah biru yang diedarkan oleh Parlimen, jumlah terbesar diperuntukkan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan adalah sebanyak RM28,118,860,750, diikuti Kementerian Pendidikan (RM24.97 bilion) dan Kementerian Kesihatan (RM17.05 bilion).

Peruntukan lain termasuk Jabatan Perdana Menteri (RM2.16 bilion), Kementerian Dalam Negeri (RM6.90 bilion), Kementerian Pendidikan Tinggi (RM5.85 bilion), Kementerian Pertahanan (RM5.70 bilion), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (RM2.38 bilion), Perbendaharaan (RM2.01 bilion) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (RM1.59 bilion).

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pula mendapat peruntukan RM1.80 bilion, Kumpulan Wang Terkanun (RM1.09 bilion), Parlimen Malaysia

tu baki yang diterima Berbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM31.834 bilion dan baki terima Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MTIB) sebanyak RM3.211 bilion bagi tahun 2022 ke Kumpulan Wang Pembangunan di bawah Seksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 (Akta 275).

Turut diluluskan adalah usul memindah sebanyak RM16.20 bilion di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan Seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Akta 830).

Jumlah berkenaan adalah baki wang terimaan MGII bagi 2022 ke Kumpulan Wang COVID-19.

Kedua-kedua usul itu dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Menurut Ahmad Maslan, pindaan ini dilaksanakan bagi membiayai sebahagian daripada keperluan perbelanjaan pembangunan tahun 2022 seperti yang diluluskan Parlimen pada pembentangan Bajet 2022 pada 2021.

"Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 yang bertujuan membiayai projek pembangunan," katanya.

Persidangan semalam kemudian ditangguh ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
RM10,571,200
Kementerian Kesihatan
RM17,050,000,000
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
RM887,452,750
Kementerian Belia dan Sukan
RM310,549,150
Kementerian Sumber Manusia
RM422,581,950
Kementerian Komunikasi dan Digital
RM495,724,550

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
RM1,598,480,450
Kementerian Pertahanan
RM5,707,045,950
Kementerian Dalam Negeri
RM6,901,500,000
Kementerian Pendidikan
RM24,975,000,000
Kementerian Pendidikan Tinggi
RM5,850,000,000

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan dan perbuatan dusta, maka Allah tidak berhasrat untuk dia meninggalkan makanannya dan minumannya."
(HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:10	1:19	4:40	7:10	8:25
Alor Setar	6:10	1:19	4:40	7:11	8:26
P. Pinang	6:09	1:19	4:41	7:12	8:27
Ipoh	6:05	1:17	4:39	7:11	8:26
Kuala Lumpur	6:01	1:14	4:36	7:11	8:18
Shah Alam	6:01	1:14	4:36	7:11	8:26
Johor Bahru	5:48	1:05	4:29	7:05	8:20
Kuantan	5:54	1:08	4:31	7:06	8:20
Seremban	5:58	1:13	4:36	7:11	8:26
Bandar Melaka	5:56	1:12	4:35	7:10	8:25
Kota Bharu	6:02	1:12	4:33	7:04	8:14
K. Terengganu	5:57	1:08	4:29	7:01	8:16
Kota Kinabalu	5:07	12:17	3:39	6:10	7:25
Kuching	5:24	12:40	4:04	6:40	7:55